

**PUSAT POLIS BANTUAN DAN KESELAMATAN UNIVERSITI**

Ruj. Kami : UPM.APSeC.100-1/7/3

Tarikh : 24 Disember 2024

---

**PEKELILING PUSAT POLIS BANTUAN DAN KESELAMATAN UNIVERSITI  
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

---

**PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN UPM  
SESI 2025 - 2027****TUJUAN**

1. Pekeliling Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti (APSeC) ini bertujuan memaklumkan kaedah dan syarat-syarat untuk permohonan Pelekat Kenderaan UPM bagi Sesi 2024 - 2027 kepada staf Universiti Putra Malaysia (UPM).
2. Menjelaskan kepada semua staf UPM kepentingan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dalam bentuk pelekat kenderaan universiti sebelum boleh membawa kenderaan ke dalam kawasan kampus.
3. Menutup permohonan Pelekat Kenderaan UPM sesi 2023/2024 bermula 24 Disember 2024.

**PENDAHULUAN**

4. Permohonan pelekat kenderaan oleh Pegawai Universiti Putra Malaysia adalah kebenaran membawa kenderaan dan meletakkan kenderaan di dalam kawasan kampus dalam waktu kerja yang diberikan kepada pemohon tersebut.
5. Kenderaan yang tidak berdaftar (atau TIDAK DILULUSKAN) dalam Sistem Pelekat Kenderaan tidak akan boleh melepasi palang automatik Sistem Akses Berpusat LPRS yang akan digunakan di Zon Akademik Kampus Serdang kecuali di laluan utama Pintu 1 (Anjung Putra).
6. Semua Pegawai UPM yang mempunyai lesen memandu yang sah mengikut kategori lesen, boleh memohon pelekat bagi kenderaan yang dimilikinya seperti didaftarkan dalam Sijil Pemilikan Kenderaan, dengan kadar bayaran yang ditetapkan.
7. Tarikh sah Pelekat Kenderaan Pegawai UPM bagi sesi pendaftaran ini adalah mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2027 sahaja.

## TARIKH PERMOHONAN DIBUKA

8. Permohonan Pelekat Kenderaan Pegawai UPM bagi sesi 2025 - 2027 akan dibuka bermula pada:

- i) Tarikh : 1 Januari 2025
- ii) Masa : 8.00 pagi
- iii) Pautan : [www.asis.upm.edu.my](http://www.asis.upm.edu.my) (Pelekat Kenderaan)



[www.asis.upm.edu.my](http://www.asis.upm.edu.my) (Pelekat Kenderaan)

## KRITERIA KELAYAKAN PEMOHON

9. **Pelekat kenderaan – Kereta.**
- i) Pegawai UPM lantikan tetap.
  - ii) Pegawai UPM lantikan kontrak.
10. **Pelekat kenderaan – Motosikal**
- i) Pegawai UPM lantikan tetap.
  - ii) Pegawai UPM lantikan kontrak.

## SYARAT ASAS PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN UPM

11. TIADA HAD bagi permohonan dan pemilikan pelekat kenderaan bagi Pegawai UPM yang memenuhi syarat asas permohonan.

12. Pemohon adalah PEMILIK kenderaan seperti dalam Sijil Pemilikan Kenderaan yang juga mempunyai LESEN MEMANDU YANG SAH.
13. Bagi pemohon yang membuat **permohonan pelekak ke atas kenderaan yang sama** seperti yang telah didaftarkan semasa sesi 2023/2024, tiada dokumen baharu perlu dimuat naik. Sekiranya lesen memandu telah tamat tempoh, dokumen yang sah perlu dimuat naik semula menggantikan yang tamat tempoh.

**(2) MAKLUMAT KENDERAAN**

|                             |                                       |               |                                       |
|-----------------------------|---------------------------------------|---------------|---------------------------------------|
| • NO. PENDAFTARAN KENDERAAN | <input type="text" value="ABC123X"/>  | • JENIS       | <input type="text" value="Sto P/In"/> |
| • KATEGORI                  | <input type="text" value="Sto P/In"/> | • WARNA       | <input type="text" value=""/>         |
| • JENAMA                    | <input type="text" value="Sto P/In"/> | • BAHAN BAKAR | <input type="text" value="Sto P/In"/> |
| • MODEL                     | <input type="text" value=""/>         |               |                                       |
| • KUASA ENJIN               | <input type="text" value="Sto P/In"/> |               |                                       |
| • TRANSMISI                 | <input type="text" value="Sto P/In"/> |               |                                       |

(Isikan tanpa ruang. Contoh : ABC123X)

Isi No. Daftar Kenderaan dan klik 'search'. Maklumat kenderaan serta dokumen sedia ada akan dipaparkan.

14. Pemohon yang pertama kali memohon pelekak kenderaan atau permohonan untuk kenderaan baharu atau kemaskini dokumen, perlu memuat naik dokumen-dokumen berikut (FORMAT PDF/JPEG/PNG sahaja):

**(3) MUATNAIK DOKUMEN**

|                                                                                               |                                                           |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| • SALINAN LESEN MEMANDU                                                                       | <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen |
| • SALINAN GERAN KENDERAAN                                                                     | <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen |
| SURAT PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN (SEKIRAINYA PENAMA GERAN TIDAK SAMA DENGAN NAMA PEMOHON) | <input type="button" value="Choose File"/> No file chosen |

Muat naik semua dokumen dalam format PDF/JPEG/PNG sahaja

**SIMPAN & HANTAR PERMOHONAN**

- i) Lesen Memandu pemohon yang sah (Lesen L untuk pelekak motorsikal sahaja)
  - ii) Salinan Geran Kenderaan Asal atau Sijil Pemilikan Kenderaan atau *screenshot* maklumat kenderaan dalam laman web rasmi JPJ atau Aplikasi MyJPJ.
15. Dokumen sokongan Lesen Memandu dan Sijil Pemilikan Kenderaan/Geran yang TIDAK BERPALANG akan menyebabkan permohonan DITOLAK.

**Peringatan:**  
Pastikan dokumen yang dimuat naik diletakkan palang



## PERMOHONAN PELEKAT UNTUK KENDERAAN YANG BUKAN DIMILIKI

16. Bagi Pegawai UPM yang tidak mempunyai kenderaan, apabila kenderaan yang hendak didaftarkan adalah bukan miliknya, pemohon perlu memuat naik Surat Pengesahan Pemilik Kenderaan yang ditandatangani oleh pemilik dalam geran/Sijil Pemilikan Kenderaan. Contoh Surat Pengesahan Pemilik Kenderaan boleh dimuat turun di [www.apsec.edu.my/faildokumen](http://www.apsec.edu.my/faildokumen).

**(3) MUATNAIK DOKUMEN**

\*SAHABAT LESEN MITAMANDU  No file chosen  
lesen.jpg

\*SAHABAT GERAN KENDERAAN  No file chosen

SURAT PENGESAHAN PEMILIK KENDERAAN  
(SEKIRANYA PENAMA GERAN TIDAK SAMA  
DENGAN NAMA PEMOHON)  No file chosen

**Muat naik semua dokumen dalam format PDF/JPEG/PNG sahaja**

**SIMPAN & HANTAR PERMOHONAN**

17. Bagi permohonan pelekot untuk kenderaan yang bukan dimiliki ini (bermaksud tidak mendaftarkan kenderaan milik sendiri atau pasangan suami/isteri), pemohon dibenarkan memohon sebuah kenderaan sahaja.

### KADAR DAN KAEDAH BAYARAN

18. Pegawai UPM yang memohon Pelekat Kenderaan dikehendaki membayar kos pelekot sebanyak **RM3.00** bagi satu pelekot kereta atau motorsikal.
19. Sebarang urusan pembayaran akan dilaksanakan secara pindahan dalam talian (*online transfer/ QRPay*).

### PERTANYAAN

20. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada:

- i. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti  
Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang

No. Telefon : 03-9769 8005 (waktu pejabat)  
WhatsApp : 03-9769 8005 (mesej sahaja)  
No. Faks : 03-97697930  
Emel : apsec@upm.edu.my  
Waktu Pejabat :  
Hari Isnin-Khamis (8.15 pagi – 7.00 petang)  
Hari Jumaat (8.15 pagi – 12.15 tengah hari)  
(2.45 petang – 7.00 petang)  
Hari Sabtu/Ahad/Cuti Am (8.15 pagi – 4.00 petang)

\*Kaunter akan ditutup pada waktu-waktu tertentu sekiranya terlibat aktiviti-aktiviti rasmi dan cuti perayaan.

- ii. Waktu operasi kaunter Pusat Polis Bantuan dan  
Keselamatan Universiti Kampus Bintulu:

No. Telefon : 086-855310 / 03-97696310

Waktu Pejabat:  
Hari Isnin -Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang  
Hari Jumaat : 8.15 pagi - 11.45 Pagi  
2.45 petang - 4.30 petang

### PENGUATKUASAAN

21. Hanya kenderaan yang mempunyai Pelekat Kenderaan UPM yang sah sahaja yang dibenarkan untuk berada di dalam kawasan Universiti Putra Malaysia pada waktu bekerja.
22. Pelekat Kenderaan UPM adalah kebenaran membawa kenderaan kepada **nama pemohon sahaja**. Pemandu yang tidak berdaftar dalam sistem yang membawa kenderaan berpelekat UPM dalam kawasan kampus akan dikenakan tindakan mengikut peraturan sedia ada.

23. Pemandu yang mempunyai Pelekat Kenderaan UPM masih tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia, mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.
24. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti BERHAK MERAMPAS PELEKAT KENDERAAN YANG TIDAK SAH, TAMAT TEMPOH atau melanggar peraturan semasa Universiti.
25. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti akan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan kepatuhan penggunaan kenderaan dari semasa ke semasa.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,



**NORAZLAN BIN MOHAMED**

Pengarah

Pusat Polis Bantuan Dan Keselamatan Universiti  
Universiti Putra Malaysia

- s.k :
- Naib Canselor, UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM
  - Pendaftar, UPM
  - Bursar, UPM
  - Penasihat Undang-Undang, UPM
  - Pengarah PPPA, UPM
  - Pengarah Kampus UPM Bintulu

## **SENARAI EDARAN**

AKADEMI SUKAN  
BAHAGIAN AUDIT DALAM  
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR  
BAHAGIAN KAUNSELING UPM  
BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK  
BAHAGIAN PERUMAHAN DAN PENEMPATAN  
FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI  
FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS BIOMOLEKUL  
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA  
FAKULTI KEJURUTERAAN  
FAKULTI PENGAJIAN ALAM SEKITAR  
FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
FAKULTI PERHUTANAN  
FAKULTI PERHUTANAN DAN ALAM SEKITAR  
FAKULTI PERTANIAN  
FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN  
FAKULTI PERUBATAN VETERINAR  
FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA  
FAKULTI SAINS  
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN  
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
INSTITUT ANTARABANGSA AKUAKULTUR DAN SAINS AKUATIK  
INSTITUT BIOSAINS  
INSTITUT KAJIAN DASAR PERTANIAN & MAKANAN  
INSTITUT KAJIAN PERLADANGAN  
INSTITUT NANOSAINS DAN NANOTEKNOLOGI  
INSTITUT PENGAJIAN SAINS SOSIAL  
INSTITUT PENYELIDIKAN MATEMATIK  
INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PRODUK HALAL  
INSTITUT PERHUTANAN TROPIKA DAN PRODUK HUTAN  
INSTITUT PERTANIAN TROPIKA DAN SEKURITI MAKANAN  
KOLEJ CANSELOR  
KOLEJ DUA BELAS  
KOLEJ EMPAT BELAS  
KOLEJ PENDETA ZA'BA  
KOLEJ SEBELAS  
KOLEJ SEPULUH  
KOLEJ SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH  
KOLEJ TAN SRI AISHAH GHANI  
KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE  
KOLEJ TUN DR ISMAIL  
PEJABAT BURSAR  
PEJABAT NAIB CANSELOR  
PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET  
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PEJABAT PENDAFTAR  
PEJABAT PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)  
PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD  
PUSAT ANTARABANGSA  
PUSAT ASASI SAINS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
PUSAT HUBUNGAN DAN JARINGAN INDUSTRI  
PUSAT ISLAM  
PUSAT PEMAJUAN KOMPETENSI BAHASA  
PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK  
PUSAT JAMINAN KUALITI  
PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI  
PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK  
PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN  
PUSAT PEMBANGUNAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI  
PUSAT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN  
PUSAT PENERBIT UPM  
PUSAT PENGIMEJAN DIAGNOSTIK NUKLEAR  
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN  
PUSAT PERHUBUNGAN ALUMNI  
PUSAT PERTANIAN PUTRA  
PUSAT POLIS BANTUAN DAN KESELAMATAN UNIVERSITI  
PUSAT STRATEGI KORPORAT DAN KOMUNIKASI  
PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI  
PUTRA SCIENCE PARK  
SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH  
SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
43400 UPM SERDANG  
  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU  
97008 BINTULU  
SARAWAK